

## Perpustakaan Tuanku Bainun

Bil. 29/Julai-Disember 2019

ISSN 1675-7394

**Seminar Kesultanan Melayu Perak RAJA PAYUNG NEGARA,  
PENAUNG RAKYAT JELATA diadakan pada 17-18 Oktober 2019  
bertempat di Dewan Konvensyen E-Learning, UPSI.**




### Kandungan:

- ◇ Seminar Kesultanan Melayu Perak ms 4
- ◇ Wacana Sasterawan Negara ms 6
- ◇ Koleksi Shaharom Husain ms 8
- ◇ Pusat Maklumat The Uzbekistan State  
of World Languages University ms 10
- Seni Tarian Dabus ms 12
- Let's Talk@UPSI ms 16
- Khidmat Bantu Nasihat ms 22
- Pesta Buku UPSI ms 25
- Jelajah Pustaka ms 26

<http://pustaka.upsi.edu.my>

# SIDANG REDAKSI



*Siti Sumaizan Ramli*

*Penasihat*



*Najah Saghirah Haroman*

*Ketua Editor*




*Raja Ahmad Shalaby*

*Pengarang*



*Nor Hanizah Zahid*

*Pengarang*



*Muliati Abdul Samad*

*Pengarang*



*Suliza Osman*

*Pengarang*



*Muhammad Zuhad*

*Fotografi*

# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

***Bismillahirrahmannirahim***

Assalamualaikum w.w.

dan salam sejahtera kepada semua pembaca.

Peranan utama Perpustakaan Tuanku Bainun dalam menyemarakkan program literasi maklumat dan budaya membaca di kalangan warga universiti terutama pelajar, menjadi acuan kepada lahirnya pelajar yang berpengetahuan, berketerampilan di university dan apabila berhadapan dengan cabaran kerjaya serta kehidupan di luar sana. Perpustakaan yakin dapat memantapkan budaya membaca sebagai gaya hidup warga universiti dan masyarakat melalui program dan aktiviti membaca yang dijalankan dengan penuh komitmen.



*Sehubungan itu, pelbagai program dilaksanakan oleh perpustakaan. Ini termasuklah merealisasikan Read@Uni peringkat kebangsaan kepada penjenamaan Let's Talk@UPSI yang diadakan setiap bulan sepanjang tahun 2019. Read@Uni telah dirasmikan oleh Naib Canselor UPSI pada 6 Mac dan siri Let's Talk@UPSI yang pertama dimulakan oleh Naib Canselor sendiri. Program ini dirakam secara langsung dan boleh didapati di YouTube. Program Let's Talk@UPSI merangkumi pelbagai topik oleh penceramah jemputan iaitu Naib Canselor UPSI, Timbalan Naib Canselor UPSI, badan korporat, ahli akademik dan juga pesara kerajaan.*

Perpustakaan bukan sahaja menjadi tempat rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran tetapi sebagai tempat perbincangan, pertemuan dan santai. 'Library as a Place' menjadi konsep bagi semua perpustakaan akademik di Malaysia dengan tujuan menarik pengguna ke perpustakaan dan turut terlibat dengan aktiviti perpustakaan atau fakulti yang diadakan di perpustakaan.

Program besar perpustakaan sebelum menutup tirai 2019 adalah penganjuran 'Seminar Kesultanan Melayu Perak' yang menarik peserta dari Brunei, Indonesia dan Singapura selain pelajar dan pensyarah UPSI. Pengisian lain adalah Pesta Buku UPSI yang diadakan pada 25-28 September 2019 dan beberapa program khidmat masyarakat yang diadakan di negeri Perak.

Semoga para pembaca mendapat manfaat ilmu daripada artikel / berita yang tersenarai dalam isu kali ini. Jumpa lagi di tahun 2020.

*Siti Sumaizan Ramli*

## SEMINAR KESULTANAN MELAYU PERAK 2019

---

### Anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun

Seminar yang julung kali diadakan ini bertujuan membincangkan secara ilmiah mengenai sejarah, peranan dan pemerintahan institusi Kesultanan Melayu Perak sebagai satu platform pendedahan kepada rakyat jelata, juga melahirkan rakyat yang cinta dan prihatin akan kewajaran menjaga serta memperkukuhkan Institusi Diraja Perak khususnya dan Raja-raja Melayu amnya. Seminar yang bertemakan "RAJA PAYUNG NEGARA, PENAUNG RAKYAT JELATA" diadakan pada 17-18 Oktober 2019 bertempat di Dewan Konvensyen E-Learning, UPSI. Dua orang tokoh akademik dijemput sebagai pengucap utama iaitu Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah@Zakaria Ghazali dari Universiti Malaya dan Datin Paduka Datuk Profesor Dr. Ramlah Adam dari Istana Sultan Abu Bakar (Muzium) Pekan, Pahang. DYMM Paduka Seri Sultan Perak berkenan mencemar duli merasmikan seminar ini serentak dengan perasmian Pameran Institusi Diraja Malaysia dan Pelancaran Buku Awang Had Salleh yang diadakan di padang UPSI berhadapan dengan Muzium Pendidikan Nasional UPSI.

Pada hari pertama seminar diadakan forum bertemakan 'Institusi Diraja Malaysia' yang di mana ahli-ahli panel yang mengambil bahagian ialah Profesor Madya Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin, Profesor Dr. Ishak Saat dan Profesor Madya Dr. Mohd Samsudin. Pada hari kedua sesi pagi diadakan pembentangan oleh pakar-pakar berkenaan Institusi Raja-raja Melayu seperti Profesor Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar , Haji Awang Dzulkiflee Awang Abdul Latif (Brunei), Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria dan Muhamad Adha Abd Jalil@Ku Alam. Pada sesi petang pula seminar diteruskan dengan pembentangan oleh Dr. Muhammad Hadi Md Melayong (Brunei), Profesor Madya Dr. Abdul Halim Ali dan Profesor Dato' Dr. Awang Sariyan. Majlis penutup disempurnakan oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Shatar bin Sabran.

Pada hari ketiga diadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah yang mempunyai kaitan dengan kesultanan Perak di Kuala Kangsar iaitu Malay College Kuala Kangsar, Masjid Ubudiah, Madrasah Idrisiah dan Bazar Kraf Perak.

Oleh: YM Dr. Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan  
Pustakawan Kanan, Bahagian Pengkatalogan

# SEMINAR KESULTANAN MELAYU PERAK 2019

## Gambar-gambar sekitar seminar



Antara peserta seminar yang hadir di Dewan Konvensyen E-Learning, UPSI



Ahli-ahli panel bergambar bersama Orang Besar Jajahan seluruh Perak se usai seminar berlangsung.



Peserta bersama pengetua Madrasah Idrisiah semasa sesi lawatan ke Bandar Diraja Kuala Kangsar.

Profesor Dr. Ishak Saat menerima cenderamata daripada Ketua Pustakawan, Pn. Siti Sumaizan Ramli

# WACANA SASTERAWAN NEGARA

## Datuk Seri (Dr.) A Samad Said

Perpustakaan Tuanku Bainun dengan kerjasama Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI menganjurkan Wacana Sasterawan Negara Datuk Seri Dr. A Samad Said. Wacana yang diadakan pada 25 September 2019 ini berjaya menggamit hadirin dari pelbagai latar belakang dan tahap pendidikan. Seramai 175 orang pencinta sastera tanah air termasuk Naib Canselor UPSI dan pegawai-pegawai kanan universiti teruja dengan pembentangan dan perkongsian oleh Sasterawan Negara yang paling senior itu. Antara yang hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom dan Penyandang Kursi Za'ba UPSI, Profesor Dato' Dr. Awang Sariyan.

Tujuan utama wacana ini dianjurkan adalah sebagai medan ilmiah mengenai perjalanan hidup serta pengalaman seorang Sasterawan Negara dalam menghasilkan karya-karya seninya. A Samad Said merupakan sasterawan yang tidak hanya bergantung pada bahan dan bakat serta kekuatan fikiran sahaja, tetapi yang penting ialah kehidupan yang dilalui, pembacaan dan pengalamannya yang luas menajamkan penanya untuk menulis. Melalui wacana ini segala maklumat yang berkaitan dengan kepengarangan dan pengalaman hidup Sasterawan Negara Ke-4 ini turut dikongsi bersama hadirin.



SN A Samad Said lebih dikenali sebagai Pak Samad sedang berkongsi pengalaman bersama hadirin

# WACANA SASTERAWAN NEGARA

Datuk Seri (Dr.) A Samad Said



Antara hadirin yang mengikuti wacana SN A Samad Said ialah Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, Profesor Dato' Dr. Awang Sariyan, Profesor Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom, Profesor Dr. Md Amin Md Taff dan Profesor Madya Dr. Rosmilah Misnan.

Oleh: YM Dr. Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan  
Pustakawan Kanan, Bahagian Pengkatalogan

## KOLEKSI ALLAHYARHAM DR. SHAHAROM HUSAIN DIPAMERKAN DI MUZIUM TOKOH JOHOR

Allahyarham Dr. Shaharom Husain adalah seorang tokoh guru, sastera, budaya dan persuratan yang mana sewaktu hayatnya pernah mendapat anugerah Tokoh Guru Johor, Tokoh Guru Kebangsaan, Anugerah Budayawan Johor, Ijazah Kehormat Sarjana Persuratan (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (Universiti Pendidikan Sultan Idris). Koleksi Allahyarham telah ditempatkan di Perpustakaan Tuanku Bainun sebagai rujukan pendidikan anak bangsa.

Bahan koleksi Allahyarham Dr. Shaharom Husain telah dipinjamkan ke Yayasan Warisan Johor untuk dipamerkan. Pameran mengenai tokoh ini dirasmikan oleh YB Mohd Khuzzan bin Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan & Warisan Negeri Johor pada 17 September 2019 yang lalu dengan tema pameran "Gapura Sastera: Shaharom Husain". Pada majlis tersebut, Pengarah Yayasan Warisan Johor, En. Mohd Ekmaluddin Dato' Ishak menyatakan program berbentuk kolaborasi dengan pihak yang memiliki artifak dan bahan warisan berkenaan Shaharom Husain adalah penting untuk melestarikan sejarah, seni dan budaya agar dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Pameran ini telah mendapat kerjasama yang baik dari pelbagai institusi antaranya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Antara bahan yang dipinjamkan oleh Perpustakaan Tuanku Bainun kepada Yayasan Warisan Johor

## SEKITAR PAMERAN KOLEKSI ALLAHYARHAM DR. SHAHAROM

### di Muzium Tokoh Johor



Sekitar pameran mengenai tokoh pendidikan Dr. Shaharom Hussain yang dirasmikan oleh YB Mohd Khuzzan bin Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan & Warisan Negeri Johor.



## PUSAT MAKLUMAT THE UZBEKISTAN STATE OF WORLD LANGUAGES UNIVERSITY

### KOLABORASI PTB & PBKM

Pada Ogos 2019, Perpustakaan Tuanku Bainun telah menerima permohonan daripada Pusat Bahasa & Kebudayaan Melayu, UPSI untuk membantu membangunkan sebuah Pusat Maklumat di [Pusat Bahasa & Kebudayaan Melayu \(PBKM\)](#) bertempat di The Uzbekistan State of World Languages University (UzSWLU), Uzbekistan. Pusat Maklumat ini berperanan dalam menyediakan bahan bacaan kepada para pelajar di Uzbekistan yang mengambil kursus Bahasa Melayu. Mahasiswa yang memilih Bahasa Melayu sebagai bahasa asing utama perlu mengambil lima subjek yang akan diajar dalam Bahasa Melayu iaitu ekonomi Malaysia, sastera Melayu, politik Malaysia, sejarah Malaysia dan Bahasa Malaysia.

Sejajar dengan itu, Perpustakaan Tuanku Bainun telah mengambil langkah mengadakan kerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia dalam mendapatkan sumbangan bahan bacaan yang bersesuaian untuk ditempatkan di Pusat Maklumat PBKM [UzSWLU](#). Selain itu, sistem perpustakaan [ReCentSys](#) yang dibangunkan oleh Perpustakaan Tuanku Bainun turut disumbangkan kepada Pusat Maklumat PBKM UzSWLU untuk digunakan sebagai sistem perpustakaan. Sistem ini akan membantu Dr. Sabariah Sulaiman selaku tenaga pengajar di PBKM UzSWLU menguruskan pusat maklumat tersebut.

Pustakawan PTB, pensyarah dan kakitangan Pusat Bahasa & Pengajian Umum bersama Puan Maizan Ismail, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia serta Pustakawan PNM.



Pustakawan Kanan, Puan Ruziah Ahmad memberi penerangan kepada Dr. Sabariah Sulaiman mengenai tatacara memproses dan merekod bahan perpustakaan menggunakan sistem pengelasan Dewey Decimal.

Oleh : Muliati Abdul Samad, Pustakawan Kanan

## 'ROOM'

### MENONTON FILEM SAMBIL BELAJAR

Pada 3 Oktober 2019 Unit Sumber Media dan Terbitan Bersiri telah menerima permohonan daripada Dr. Zuriatunfadziah, pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan untuk mengadakan tayangan filem kepada para pelajarnya sebagai salah satu kaedah pengajaran. Beliau bersama 6 orang pelajar Ijazah Sarjana telah datang untuk menonton filem pilihan berjudul 'Room' di Auditorium PTB, Aras 4.



Filem 'Room' adalah satu penceritaan penuh emosi tentang eksplorasi cinta tanpa batas yang unik antara ibu dan anak. Selepas Jack yang berusia 5 tahun melarikan diri dari persekitaran yang dialami sepanjang hidupnya, kanak-kanak itu menemui dunia luar yang tidak diketahui sebelum ini. Semasa dia menikmati semua kegembiraan, keseronokan dan ketakutan semasa pengembaraan baharu ini, dia berpegang erat pada satu perkara yang paling utama - hubungan istimewa dengan Ma, ibunya yang setia dan penuh kasih sayang.

Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Zuriatun Fadzilah yang mengadakan kelas beliau di perpustakaan. Semoga lebih ramai lagi pensyarah UPSI dapat menjadikan filem sebagai satu wadah pengetahuan yang lebih efektif untuk proses pengajaran dan pembelajaran di UPSI.



Disediakan oleh : Nor Hanizah Zahid, Pustakawan Kanan

# SENI TARIAN DABUS

## WARISAN BUDAYA NEGERI PERAK

Tanjong Malim, 26 September 2019 – Seni Tarian Dabus ke bumi Tanjong Malim! Rata-rata warga UPSI tidak sabar menanti kehadiran tokoh-tokoh yang akan memperkatakan tentang tarian dabus. Buat julung-julung kalinya, Perpustakaan Tuanku Bainun berjaya membawa satu program perkongsian ilmu yang sangat menarik iaitu 'Wacana Seni Tarian Dabus' bersempena Pesta Buku UPSI 2019. Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang seni tarian tradisi negeri Perak, seterusnya dapat membuka minda generasi kini tentang keperluan untuk menghargai dan memelihara warisan tarian dabus dari terus dilupai dan ditinggirkan.

Tuan Haji Mohd Yusop bin Othman dan En. Mat Rosnan bin Hashim, dua orang tokoh penyambung warisan Dabus telah berjaya merungkaikan pelbagai persoalan berkaitan tarian dabus. Pemudahcara, Dr. Muhammad Fazli Taib Saearani, Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, telah berjaya mengemudi program dengan lancar, menarik dan berkesan.

Selesai berwacana adalah saat yang ditunggu oleh semua hadirin. Kumpulan Seri Tanjung dari Kampung Gajah, Perak telah mempersembahkan seni tarian dabus yang cukup membuat penonton teruja. Kumpulan yang terdiri daripada 10 orang ahli ini diketuai oleh Encik Mat Rosnan, telah berjaya menarik perhatian penonton untuk menghayati tarian dabus dengan lebih dekat.

Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tokoh-tokoh jemputan, Tuan Haji Mohd Yusop bin Othman dan Encik Mat Rosnan bin Hashim serta pemudahcara, Dr. Muhammad Fazli Taib Saearani atas kesudian mereka menjayakan program 'Wacana Seni Tarian Dabus' ini. Semoga lebih banyak lagi budaya warisan negeri Perak dapat dipertontonkan demi kelangsungan warisan bagi generasi akan datang.



# SENI TARIAN DABUS

## WARISAN BUDAYA NEGERI PERAK



Sekitar persembahan Tarian Dabus, seni tari tradisi Negeri Perak oleh Kumpulan Seri Tanjung dari Kampung Gajah, Perak.



Penonton teruja menyaksikan persembahan seni Tarian Dabus di Bilik Bacaan 24 Jam.

# PUBLISHING IN ACADEMIC JOURNALS

## THE ARTICLE JOURNEY

28 Ogos 2019 - Bengkel "Publishing in Academic Journals: The Article Journey" telah diadakan di Auditorium PTB. Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Barry D. Clarke, Pengarah Pengurusan Taylor & Francis Asia Pasific yang dihadiri oleh pelajar siswazah, pensyarah dan kakitangan UPSI.



Para pelajar dan pensyarah yang hadir semasa bengkel di perpustakaan.



Encik Barry D. Clarke, Taylor & Francis Asia Pacific.



# LATIHAN PENGGUNAAN PANGKALAN DATA BLIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pada 25 Julai 2019 telah berlangsung sesi latihan Penggunaan Pangkalan Data BLIS bertempat di Makmal Latihan IT, Perpustakaan Tuanku Bainun. Sesi ini dikendalikan oleh wakil pihak BERNAMA dan dihadiri pelajar Diploma UPSI.



Pelajar Diploma UPSI yang hadir semasa sesi yang dikendalikan secara *hands on*.



## LET'S TALK@UPSI EPISOD 6 :

### JEJAK PATRIOT

16 Julai 2019, jam 3.00 petang, aktiviti Let's Talk@UPSI bersama Profesor Dr. Md Amin Bin Md Taff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dengan tajuk 'Jejak Patriot UPSI', telah berjaya diadakan di Auditorium Perpustakaan Tuanku Bainun. Per-kongsian ini turut disertai pelajar, kakitangan dan Alumni yang pernah mengharumkan nama university.



Profesor Dr. Md Amin Bin Md Taff  
ketika Let's Talk@UPSI



Hadirin  
menumpukan  
perhatian semasa  
sesi Let's Talk@UPSI  
kali ke-6

## LET'S TALK@UPSI EPISOD 7 :

### 'LIBRARIAN AND WRITING '

6 Ogos 2019, jam 11.45 pagi, Let's Talk@UPSI telah diadakan dengan perkongsian daripada Dr. Nor Edzan Che Nasir, mantan Ketua Pustakawan Universiti Malaya yang bertajuk 'Librarian and Writing'. Sesi ini diadakan di Ruang Novel, Perpustakaan Tuanku Bainun . Dr. Nor Edzan menyarankan pustakawan turut menulis dan membukukan hasil penulisan untuk rujukan.



Sesi perkongsian dihadiri oleh pustakawan dan pensyarah UPSI.

## LET'S TALK@UPSI EPISOD 8 :

**Fail Pelajar : Bagaimana nota pensyarah berakhir menjadi buku dijual 164,000 naskhah.**

3 Sept 2019 - Pada jam 2.30 petang, aktiviti Let's Talk@UPSI bersama Encik Zamri Mohamad bertajuk 'Fail Pelajar : Bagaimana nota pensyarah berakhir menjadi buku dijual 164,000 naskhah' telah berjaya diadakan di Ruang Koleksi Novel, Perpustakaan Tuanku Bainun . Perkongsian ini menarik minat pendengar bagaimana penceramah mula menulis dan memasarkan hasil tulisannya.



## LET'S TALK@UPSI EPISOD 9 :

### *Makerspace Why is it important for Malaysian Education*

22 Oktober 2019, jam 2.15 petang, aktiviti Let's Talk@UPSI diteruskan bersama Encik Naqkhaie Jaznin, *Co-founder/ Chief Spending Officer* [THEKEDUA.COM](http://THEKEDUA.COM) dengan tajuk "Makerspace Why is it important for Malaysian Education" telah berjaya diadakan bertempat di Auditorium Aras 4, Perpustakaan Tuanku Bainun .



Encik Naqkhaie Jaznin



Bergambar beramai-ramai selepas sesi Let's Talk@ UPSI.




Pelajar menghadiri sesi Let's Talk@ UPSI anjuran perpustakaan.

# TAKLIMAT PERPUSTAKAAN BAGI PELAJAR BAHARU

## & MALAM SANJUNGAN BUDI

Pada 4 September 2019, satu taklimat pengenalan perpustakaan kepada semua pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda ambilan September sesi 2019/2020 telah dilaksanakan di Dewan Tuanku Canselor untuk 3,251 orang pelajar. Pelajar antarabangsa yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda, Program Mobiliti dan International Student Exchange Program (ISEP) seramai 116 orang pula telah hadir ke perpustakaan untuk taklimat dan lawatan berpandu pada hari yang sama.



# Program Sembang Santai Orang Muda

## Bersama Ikon Pelajar UPSI 2019

Pada hari Jumaat 27.9.2019 bertempat di Bilik Bacaan 24 berlangsung Program Sembang Santai Orang Muda bersama Ikon Pelajar UPSI. Menampilkan saudara Muhammad Amirul Mukmin bin Roslan, Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2018/2019 sebagai Ikon Kepimpinan; saudari Sharifah Nabilah Syed Zahar sebagai Ikon Selebriti dan saudari Emilna Suzanne Rapain sebagai Ikon Sukarelawan. Program dikendalikan oleh Cik Sharifah NurulHidayah Habib Elias telah menarik ramai pengunjung perpustakaan.



Sembang Santai  
Orang Muda di Bilik  
Bacaan 24 Jam



## KHIDMAT BANTU NASIHAT

### PUSAT SUMBER SMK SG. KERUIT , SUNGKAI

Pada 6 September 2019, Khidmat Bantu Nasihat Pusat Sumber atau Bengkel Pengawas Pusat Sumber telah diadakan di Pusat Sumber Baitul Hikmah, SMK Sungai Keruit. Bengkel ini bertujuan membantu Pusat Sumber Baitul Hikmah membuat persediaan menghadapi Anugerah Pusat Sumber Cemerlang peringkat negeri Perak. Bengkel turut disertai oleh Encik Mohd Razalli Ahmad Termizi, Timbalan Ketua Pustakawan Teknikal dan Puan Muliati Abdul Samad, Pustakawan Kanan.



## JELAJAH PUSTAKA

### POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH, BEHRANG.

11 September 2019 – Aktiviti Jelajah Pustaka yang dilaksanakan di PSAS telah disertai oleh 70 orang warga PSAS . Ianya adalah satu aktiviti yang diwujudkan untuk menyasarkan pertambahan keahlian luar PTB dari kalangan institusi serta agensi luar dan seterusnya kehadiran atau kewujudan PTB dapat dirasai oleh komuniti sekeliling. Di antara pengisian aktiviti ini adalah taklimat ringkas berkaitan PTB dan kaunter (booth) untuk memudahkan sesi pertanyaan.



## JOM LE-PARK DE PTB

Pada 19 & 20 September 2019, aktiviti Jom Le-Park De PTB telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,241 orang pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda ambilan September 2019. Pengisian utama aktiviti adalah Sesi Literasi Maklumat dan pencarian bahan di perpustakaan. Objektif aktiviti adalah untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTB dalam membantu pelajar sepanjang pengajian di UPSI.



## PESTA BUKU UPSI 2019 KE-17

25 - 28 September 2019 – PTB dengan kerjasama Pejabat Karang Mengarang sekali lagi menganjurkan Pesta Buku UPSI. Pelbagai aktiviti keilmuan diadakan untuk warga UPSI dan masyarakat setempat. Pesta Buku kali ke-17 ini menerima 7,187 orang pengunjung. Antara aktiviti utama yang dianjurkan sepanjang Pesta Buku adalah :

- Wacana Sasterawan Negara Dato' Seri (Dr.) A Samad Said,
- Wacana dan persembahan Seni Tarian Dabus ,
- Sembang Santai Orang Muda bersama ikon pelajar UPSI,
- Resensi Buku Malay Women in Colonial Context,
- Mari Bercerita bersama Ummi SHAMS.



# JELAJAH PUSTAKA

## Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

Program Jelajah Pustaka pada tahun ini diadakan di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Behrang pada hari Jumaat, 15 November 2019. Objektif utama aktiviti ini adalah mempromosikan perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan untuk pelanggan Perpustakaan Tuanku Bainun.



# JELAJAH PUSTAKA

## Darul Quran Kuala Kubu Bharu

Program Jelajah Pustaka sempena Program Jom Baca 2019 turut diadakan Darul Quran, Kuala Kubu Bharu pada 22 November 2019. Program dimulakan dengan montaj pengenalan Perpustakaan Tuanku Bainun dan diakhiri dengan sesi soal jawab mengenai kemudahan yang ditawarkan untuk keahlian luar. Semoga jalinan kerjasama ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara Perpustakaan Tuanku Bainun dan Perpustakaan Darul Quran.



# KHIDMAT MASYARAKAT

## Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya

18 Nov 2019 - Seramai 20 orang kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun dan pelajar Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI telah menjayakan program galakan membaca bersama dengan pelajar Sekolah Kebangsaan Datuk Nan Kaya, Kg. Kelawar, Tanjong Malim. Dengan menyasarkan satu murid satu buku, PTB telah menyumbangkan buku kepada setiap pelajar dan guru. Ini merupakan inisiatif untuk menyokong agenda kerajaan iaitu Malaysia Membaca di bawah program Dekad Membaca Kebangsaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara Membaca 2030.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah Jom Baca Bersama 10 Minit, senamrobik, sesi bercerita dan *fun games* yang dibuat secara berkumpulan untuk meningkatkan kemahiran interaksi serta kerjasama pelajar dalam satu kumpulan.

